

**UCAPAN OLEH
YAB DATO SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MALAM ANUGERAH FRANCAIS PERSATUAN FRANCAIS
MALAYSIA DI DEWAN MERDEKA, PWTC
15 JANUARI 2004**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN

YB DATO' KHALID YUNUS
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN

Y.BHG. DATUK ZAKIAH HASHIM
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Y.BHG. DATUK ADZMI ABDUL WAHAB
PENGERUSI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,

1. ALHAMDULLILAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA SAMA-SAMA BERHIMPUN PADA MALAM INI UNTUK MAJLIS MALAM ANUGERAH FRANCAIS 2003. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA (MFA) KERANA BERJAYA MENGADAKAN MAJLIS ANUGERAH INI KALI KE EMPAT. SAYA MELIHAT ACARA INI PENTING KERANA DENGAN MEMBERI PENGIKTIRAFAN KEPADA KUMPULAN USAHAWAN FRANCAIS, LEBIH RAMAI YANG AKAN BERMINAT UNTUK MENCEBURINYA. DI SAMPING ITU, BUDAYA KECEMERLANGAN DALAM PERNIAGAAN DAPAT DIPUPUK.

2. SEJAK PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS DILAKSANAKAN PADA TAHUN 1992, BIDANG PERNIAGAAN SECARA FRANCAIS TELAH MEMBERI SUMBANGAN POSITIF KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA. SUMBANGAN SEKTOR INI DAPAT DILIHAT MENERUSI PERKEMBANGAN PERNIAGAAN FRANCAIS DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU. DARI SEGI JUMLAH JUALAN, IA TELAH MENINGKAT PADA KADAR PURATA 16 PERATUS SETAHUN, DAN DARI SEGI PERTUMBUHAN BILANGAN OUTLET, IA TELAH MENINGKAT SEBANYAK 18 PERATUS SETAHUN. BIDANG FRANCAIS INI JUGA TELAH DIPELBAGAIKAN. KINI, KITA TELAH BERJAYA MENGHASILKAN 669 ORANG FRANCAISI DALAM PELBAGAI BIDANG SEPERTI 211 FRANCAISI DALAM BIDANG MAKANAN, 130 FRANCAISI DALAM BIDANG AUTOMOTIF DAN 117 FRANCAISI DALAM BIDANG PUSAT RAWATAN KECANTIKAN.

3. KEJAYAAN PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS INI JUGA DIAKUI DENGAN PENEMBUSAN PRODUK FRANCAIS TEMPATAN KITA KE LUAR NEGERI. SETAKAT INI, SEBANYAK 19 PRODUK FRANCAIS TEMPATAN TELAH MENEMBUSI PASARAN LUAR

NEGERI, TERUTAMANYA DI NEGARA-NEGARA ASEAN, CHINA, INDIA DAN NEGARA-NEGARA TIMUR TENGAH. BAHKAN KITA TELAH MULA MENGEKSPORT FRANCAIS KEBAB KE NEGARA ARAB DARI MANA ASALNYA MAKANAN ITU. KITA JUGA MEMFRANCAISKAN PROGRAM BAHASA INGGERIS BAGI KANAK-KANAK KE NEGARA YANG BAHASA IBUNDANYA ADALAH BAHASA INGGERIS. INI ADALAH SATU PERKEMBANGAN YANG MEMBERANGSANGKAN DAN MEMBERI GAMBARAN BAHAWA JIKA SISTEM PERNIAGAAN FRANCAIS DIRUMUS DENGAN BAIK, IA AKAN BERJAYA, TIDAK KIRA PRODUK APA YANG DIJUAL.

4. SAYA PERCAYA PERKEMBANGAN POSITIF INI DAPAT MENGGALAKKAN PEMBABITAN YANG LEBIH GIAT OLEH USAHAWAN TEMPATAN, TERUTAMANYA BAGI USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS). BAGI SAYA, GOLONGAN USAHAWAN INI DAPAT MEMAIN PERANAN PENTING DALAM MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA. SEBAGAIMANA YANG TELAH SAYA GARISKAN DALAM UCAPAN SAYA MENGENAI EKONOMI DUA HARI LALU, PEMBANGUNAN IKS AKAN DIBERI PERHATIAN YANG LEBIH TELITI SELARAS DENGAN KEPENTINGAN SEKTOR INI UNTUK MENJANA PELABURAN TERUS TEMPATAN (DOMESTIC DIRECT INVESTMENT).

5. SEKTOR FRANCAIS ADALAH AMAT PENTING KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA. JUSTERU, SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT TERMASUK USAHAWAN, SEKTOR SWASTA DAN AGENSI KERAJAAN, PERLU BERPEGANG PADA MATLAMAT YANG SAMA DALAM MEMBERI SOKONGAN KEPADA BIDANG INI. SOKONGAN YANG DIMAKSUDKAN TERMASUKLAH PROGRAM KEWANGAN, PROGRAM PERNIAGAAN DAN LATIHAN PENGURUSAN.

SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN,

6. SAYA TAHU BANYAK MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL DALAM PERNIAGAAN TERUTAMA BAGI MEREKA YANG BARU MULA MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN. SAYA DAPATI MASIH RAMAI USAHAWAN BUMIPUTERA YANG TIDAK MEMPUNYAI PENGETAHUAN TINGGI DALAM MENGURUSKAN PERNIAGAAN, BIARPUN MEREKA MAMPU MENGHASILKAN PRODUK BERKUALITI TINGGI. DI SINILAH LETAKNYA PERANAN PERNIAGAAN FRANCAIS YANG DAPAT MEMBERI SATU PELUANG BAIK KEPADA MEREKA YANG BARU INGIN MENEROKAI BIDANG PERNIAGAAN.

7. PERNIAGAAN FRANCAIS SEMEMANGNYA MAMPU MEMBERI BANYAK KEBAIKKAN, BAIK KEPADA FRANCAISI ATAUPUN FRANCAISOR. BAGI PIHAK FRANCAISI, RISIKO PERNIAGAAN YANG DICEBURI ADALAH LEBIH RENDAH KERANA MEREKA MEMASARKAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN YANG SUDAH DITERIMA RAMAI. MALAH, MEREKA JUGA DIBERI KHIDMAT SOKONGAN YANG BERTERUSAN DARIPADA FRANCAISOR, KERAJAAN DAN INSTITUSI KEWANGAN. BEGITU JUGA KEPADA PIHAK FRANCAISOR, YANG SECARA TIDAK LANGSUNG BERPELUANG MELUASKAN PERNIAGAAN TANPA MENGGUNAKAN MODAL SENDIRI. INI YANG DIKATAKAN SITUASI "WIN-WIN" YANG MEMBERI KEUNTUNGAN BAGI KEDUA BELAH PIHAK.

8. SAYA SEDAR BAHAWA KESUKARAN UNTUK MENDAPAT SUMBER KEWANGAN MENJADI SALAH SATU PENGHALANG TERBESAR BAGI PERNIAGAAN KECIL DAN SEDERHANA. OLEH ITU, SAYA TELAH MENCADANGKAN SUPAYA PIHAK BANK TURUT MENIMBANG KRITERIA LAIN DALAM MEMBERI PINJAMAN KEPADA PENIAGA KECIL YANG TIDAK MEMPUNYAI CAGARAN. INI MUNGKIN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN MENGAMBIL KIRA ALIRAN WANG TUNAI DAN PELAN PERNIAGAAN YANG DIKEMUKAKAN. DENGAN ITU, SAYA BERHARAP AGAR KUMPULAN USAHAWAN INI DIBERI PELUANG SECUKUPNYA OLEH SEMUA PIHAK, BAIK DARIPADA SYARIKAT FRANCISOR ATAU INSTITUSI KEWANGAN, UNTUK MEMULAKAN LANGKAH DALAM BIDANG PERNIAGAAN INI. SEKIRANYA RAMALAN ALIRAN TUNAI ADALAH BAIK, ATAU PELAN PERNIAGAAN MENUNJUKKAN POTENSI, MEREKA HARUS DIBERI PERTIMBANGAN YANG SEWAJARNYA. PADA MASA SAMA, SAYA JUGA MAHU KUMPULAN USAHAWAN INI TERUS MEREBut PELUANG DAN LATIHAN YANG TELAH DISEDIAKAN KERAJAAN DAN INSTITUSI BERKAITAN.

9. GUNAKANLAH PELUANG INI UNTUK MENGUMPUL ILMU DAN PENGALAMAN. BELAJARLAH CARA-CARA UNTUK MENGURUS SEBUAH PERNIAGAAN DENGAN RAPI. INSYA ALLAH KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN YANG DIPEROLEHI AKAN MEMBERI FAEDAH SEPANJANG HAYAT.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

10. USAHAWAN JUGA HARUS MEMPUNYAI SIKAP BERANI CUBA DAN BERCITA-CITA BESAR UNTUK MAJU. KITA JANGAN HANYA MELIHAT SKOP PERNIAGAAN INI DARI PERSPEKTIF SEMPIT. KITA TIDAK BOLEH LAGI JADI SEPERTI JAGUH KAMPUNG. DENGAN SIKAP POSITIF DAN PENGALAMAN YANG CUKUP DALAM BIDANG INI, BANYAK PRODUK TEMPATAN, TERUTAMA KELUARAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA, MAMPU DIKETENGAHKAN SEBAGAI PRODUK FRANCAIS DI PASARAN TEMPATAN DAN LUAR NEGARA.

11. KERAJAAN KOMITED UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN JENAMA TEMPATAN AGAR DAPAT BERSAING DI PASARAN ANTARABANGSA. SEJUMLAH RM200 JUTA TELAH DIPERUNTUKKAN DALAM BENTUK GERAN BAGI MEMAJUKAN PRODUK-PRODUK JENAMA TEMPATAN UNTUK PASARAN EKSPOT. YANG LEBIH PENTING ADALAH, KITA SENDIRI PERLU MEMBERI PELUANG KEPADA JENAMA TEMPATAN UNTUK BERTAPAK. PADA MASA YANG SAMA, KITA HENDAKLAH BERFIKIRAN LEBIH INOVATIF DAN MEMAHAMI KEHENDAK PENGGUNA DALAM USAHA KITA MELARISKAN JUALAN BARANGAN KITA. KITA HARUS BENAR-BENAR MEMAHAMI PARA PENGGUNA SEBAGAI PASARAN KITA, DAN KEHENDAK MEREKA DARI SEGI MUTU, PEMBUNGKUSAN DAN SEBAGAINYA. KESEMUA INI ADALAH ANTARA ELEMEN PENTING BAGI PAKEJ KEJAYAAN PERNIAGAAN FRANCAIS.

12. SAYA BERHARAP AGAR LEBIH BANYAK PRODUK FRANCAIS DIBANGUNKAN DI PERINGKAT NEGERI DAN DAERAH LUAR DARIPADA LEMBAH KLANG. KETIKA INI, HAMPIR 90 PERATUS DARIPADA 321 PRODUK FRANCAIS YANG ADA, BERASAL DAN BERTAPAK DI KUALA LUMPUR DAN SELANGOR. UNTUK ITU, SAYA HARAP KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAPAT MENGGERAKKAN AGENSI-AGENSI DI PERINGKAT NEGERI UNTUK MEMAIN PERANAN LEBIH AKTIF DALAM

MENGENALPASTI DAN MEMBANGUNKAN PRODUK YANG BERPOTENSI DI NEGERI-NEGERI.

13. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGGALAKKAN SYARIKAT-SYARIKAT BESAR MENGAJAI POTENSI DAN KELEBIHAN YANG ADA PADA SISTEM FRANCAIS DALAM MENGEMBANGKAN PERNIAGAAN MEREKA. DI SAMPING UNTUK MENGGALAKKAN BIDANG KEUSAHAWANAN, TERUTAMA KEUSAHAWANAN DARI KALANGAN PEKERJA MEREKA SENDIRI. MUNGKIN TELEKOM ATAU TENAGA NASIONAL MISALNYA, BOLEH MENGAJAI KEMUNGKINAN MENUKAR RANGKAIAN KEDAI-KEDAI MEREKA KE DALAM BENTUK FRANCAIS.

SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN,

14. BAGI MENINGKATKAN PEMBANGUNAN FRANCAIS DI MALAYSIA, KERAJAAN AKAN MENGAMBIL PENDEKATAN YANG BERSEPADU DAN MEMPUNYAI FOKUS TERTENTU DALAM MERANCANG DAN MENDORONG PEMBANGUNAN PERNIAGAAN FRANCAIS SECARA LEBIH BERKESAN. SEHUBUNGAN INI, KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN SUPAYA AKTIVITI FRANCAIS AKAN DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNS) BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS. SEHUBUNGAN INI, PNS AKAN DISUSUN SEMULA BAGI MENGAMBIL ALIH TANGGUNGJAWAB PEMBANGUNAN FRANCAIS YANG MERANGKUMI ANTARA LAIN MEMBELI FRANCAIS TERPILIH DARI LUAR NEGARA, MEMBANGUNKAN PEMEGANG FRANCAIS DAN PRODUK BUMIPUTERA SERTA MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN (P&P) BAGI PRODUK FRANCAIS TEMPATAN.

15. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN JUGA TELAH MENGENALPASTI BEBERAPA KUMPULAN SASARAN YANG BERPOTENSI UNTUK DIDORONG MENCEBURI BIDANG FRANCAIS. INI TERMASUKLAH GOLONGAN SISWAZAH, WANITA DAN BAKAL PESARA KERAJAAN. SAYA PERCAYA, DENGAN USAHA YANG BERTERUSAN INI, KITA DAPAT MENCAPAI 1,000 FRANCAISI DAN 50 FRANCAISOR YANG DISASARKAN DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN.

16. AKHIR KATA, BAGI PIHAK KERAJAAN, SAYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KITA AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMBANTU SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN DEMI KEPENTINGAN DAN KEMAKMURAN NEGARA. SEMOGA ANDA SEMUA MAJU JAYA DALAM USAHA MEMAJUKAN INDUSRI FRANCAIS INI.

TERIMA KASIH.